



KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

# Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas



(MASALAH PENDENGARAN)

## PANDUAN GURU PENDIDIKAN SENI VISUAL



**TAHUN  
PENGUKUHAN**



**KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

**KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH  
PENDIDIKAN KHAS  
(MASALAH PENDENGARAN)**

**MODUL PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN  
PENDIDIKAN SENI  
VISUAL**

**TAHUN PENGUKUHAN**

Terbitan

Kementerian Pelajaran Malaysia  
Bahagian Pembangunan Kurikulum

**2010**

Cetakan Pertama 2010

© Kementerian Pelajaran Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia, Aras 4-8, Blok E9, Parcel E, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya.

## **MODUL PENGAJARAN PENDIDIKAN SENI(1)**

**Bidang : Menggambar (lakaran)**

**Tajuk : Sekolah Saya**

**Masa : 60 minit**

**Tunjang Utama: Fizikal dan Estetika**

### **Standard Kandungan**

i) Pendidikan Seni

2. Menggambar

a. Lakaran

- Sekolah Saya

ii) Sains

1. Menggunakan mata untuk melihat

1.13 Penerangan pemerhatian melalui lukisan atau lisan dengan menggunakan

bahasa isyarat.

### **Standard Pembelajaran**

1.1 Menyatakan (isyarat) pengalaman dan pembelajaran yang diperhatikan di persekitaran.

1.2 Melakar secara spontan untuk menghasilkan imej melalui garisan dan rupa secara tidak terancang.

1.6 Mengumpul hasil kerja.

### **Objektif Pembelajaran**

Pada akhir pembelajaran, murid dapat:

- i. Menceritakan (bahasa isyarat) perihal persekitaran sekolah yang telah diperhatikan.
- ii. Menyatakan tiga objek yang dilihat yang terdapat di dalam kawasan sekolah.
- iii. Melakar objek atau bangunan sekolah yang telah dilihat secara spontan.
- iv. Mewarnakan gambar yang telah dilakarkan.
- v. Mempamerkan hasil kerja.

## **Bahan Bantu Mengajar**

Persekitaran sekolah, gambar persekitaran sekolah, kertas lukisan, pensel warna dan pensel.

**Pendekatan :** Pembelajaran Aktif

**Strategi Pengajaran :**

### **a. Cadangan set induksi**

1. Guru membawa murid - murid membuat pemerhatian di luar kelas.
2. Guru bersoal jawab menggunakan bahasa isyarat dengan murid – murid tentang:
  - a. Persekitaran sekolah

### **b. Cadangan aktiviti**

#### **Aktiviti Guru**

1. Guru bersoal jawab menggunakan bahasa isyarat dengan murid tentang apa yang telah dilihat di persekitaran sekolah .
2. Guru menunjukkan contoh lakaran persekitaran sekolah kepada murid-murid.
3. Guru mengedarkan bahan – bahan lukisan (kertas lukisan dan pensel warna) kepada murid-murid.

#### **Aktiviti Murid**

1. Murid-murid bertindak balas dengan soalan guru menggunakan bahasa isyarat.
2. Murid-murid memerhatikan contoh lakaran yang telah dipamerkan oleh guru.
3. Murid-murid melakar persekitaran sekolah di atas kertas lukisan yang telah diedarkan oleh guru.
4. Murid-murid mewarnakan lakaran yang telah siap.
5. Murid-murid mempamerkan hasil kerja yang telah siap di hadapan kelas.

**Penilaian:**

- i) Murid-murid dapat melakar objek yang telah dilihat.

**Pemulihan :**

- i) Menyambung titik-titik untuk menghasilkan gambar yang sempurna.
- ii) Mewarnakan gambar yang diedarkan oleh guru.

**Pengayaan :**

- i) Melakar suasana persekitaran sekolah yang diidamkan (imaginasi).

Lampiran 1


Contoh Lakaran Pengayaan (sekolah yang diimpikan).



Lampiran 2

Lembaran Kerja

Arahan: Warnakan gambar di bawah.





Lampiran 3

Lembaran Kerja

Arahan: Warnakan gambar di bawah.



## **MODUL PENGAJARAN PENDIDIKAN SENI(2)**

**Bidang : Menggambar (gurisan)**

**Tajuk : Bunga**

**Masa : 60 minit**

**Tunjang Utama: Fizikal dan Estetika**

### **Standard Kandungan**

- i) Pendidikan Seni
  - 2. Menggambar
    - b. Gurisan
      - Bunga
- ii) Sains
  - 3.0 Tumbuhan sebagai benda hidup

3.2.1 Mengenalpasti perbezaan yang terdapat di sekolah seperti pokok  
betik, bunga dan rumput.

### **Standard Pembelajaran**

- 1.1 Menyatakan (isyarat) pengalaman dan pembelajaran yang diperhatikan di persekitaran.
- 1.2 Mengguris secara spontan untuk menghasilkan imej melalui garisan dan rupa secara tidak terancang.
- 1.6 Mengumpul hasil kerja.

## **Objektif Pembelajaran**

Pada akhir pembelajaran, murid dapat:

- i. Menceritakan perihal gambar-gambar yang dilihat menggunakan bahasa isyarat.
- ii. Mengisyaratkan (bahasa isyarat) warna setiap gambar bunga yang telah dipamerkan oleh guru.
- iii. Mengguris warna krayon di atas kertas lukisan dengan teknik gurisan yang betul.
- iv. Mengguris dengan menggunakan pensel (tumpul) bagi menghasilkan gambar bunga.
- v. Mempamerkan hasil kerja.

## **Bahan Bantu Mengajar**

Gambar bunga, kertas lukisan, krayon dan pensel (tumpul).

**Pendekatan** : Pembelajaran Aktif

**Strategi Pengajaran** :

### **b. Cadangan set induksi**

- i) Guru mempamerkan beberapa jenis gambar bunga kepada murid-murid.
- ii) Guru menggunakan bahasa isyarat untuk bersoal jawab dengan murid – murid tentang :

b. Bunga

### **b. Cadangan aktiviti**

#### **Aktiviti Guru**

1. Guru bersoal jawab dengan menggunakan bahasa isyarat berkaitan perbezaan jenis-jenis tumbuhan yang terdapat di kawasan sekolah dan di rumah.
2. Guru mempamerkan gambar bunga kepada murid-murid.
3. Guru bersoal jawab dengan menggunakan bahasa isyarat kepada murid berkaitan gambar.
3. Guru mengedarkan bahan – bahan lukisan (kertas lukisan dan krayon) kepada murid-murid.
4. Guru memberi bimbingan kepada murid-murid.

### **Aktiviti Murid**

1. Murid bertindakbalas dengan soalan guru (bahasa isyarat).
2. Murid-murid memerhatikan gambar bunga yang ditunjukkan oleh guru.
3. Murid-murid bertindak balas dengan soalan guru menggunakan bahasa isyarat.
4. Murid-murid mengguriskan krayon di atas permukaan kertas lukisan dengan bimbingan guru.
5. Murid-murid menggunakan pensel tumpul untuk mengguriskan bentuk bunga di atas permukaan kertas lukisan yang telah siap diguris dengan krayon.
6. Murid-murid mengemas hasil kerja lukisan mereka.
7. Murid-murid mempamerkan hasil kerja yang telah siap di hadapan kelas.

### **Penilaian:**

- i. Murid-murid dapat melaksanakan tugas yang diberikan.

### **Pemulihan :**

- i. Mengguris krayon di atas permukaan lukisan bunga yang disediakan oleh guru.

### **Pengayaan :**

- i) Mengguris sesuatu objek yang disebut oleh guru tanpa contoh gambar.

Lampiran 1


Contoh hasil dari teknik gurisan.



Lampiran 2

Lembaran Kerja

Arahan: Sambungkan titik-titik dan warnakan.



## **MODUL PENGAJARAN PENDIDIKAN SENI(3)**

**Bidang** : Menggambar (kolaj)

**Tajuk** : Buah-buahan

**Masa** : 60 minit

**Tunjang Utama** : Fizikal dan Estetika

### **Standard Kandungan**

- i) Menggambar
  - f. Kolaj
    - Buah-buahan
- ii) Sains
  - 3.0 Tumbuhan sebagai benda hidup

3.4 Penerangan pemerhatian melalui lukisan atau lisan dengan menggunakan bahasa isyarat.

### **Standard Pembelajaran :**

- 1.1 Menyatakan (bahasa isyarat) pengalaman dan pembelajaran yang diperhatikan di persekitaran.
- 1.3 Menggunakan bahan kutipan untuk menggambar secara mudah secara memotong dan menampal.
- 1.7 Mengumpul hasil kerja.

## **Objektif Pembelajaran:**

Pada akhir pembelajaran, murid dapat:

- i. Menceritakan (bahasa isyarat) perihal buah-buahan yang dilihat.
- ii. Menyatakan warna setiap buah yang telah dipamerkan oleh guru.
- iii. Mengetahui teknik yang betul dalam penghasilan kolaj.
- iv. Mempamerkan hasil kerja.

## **Bahan Bantu Mengajar**

Buah-buahan plastik, kertas lukisan, gam dan majalah terpakai.

**Pendekatan** : Pembelajaran Aktif

## **Strategi Pengajaran :**

### **c. Cadangan set induksi**

- ii) Guru mempamerkan beberapa jenis buah-buahan plastik kepada murid-murid.
- ii) Guru bersoal jawab menggunakan bahasa isyarat dengan murid – murid tentang :
  - a. Buah-buahan

### **b. Cadangan aktiviti**

#### **Aktiviti Guru**

1. Guru mempamerkan buah-buahan kepada murid-murid.
2. Guru bersoal jawab menggunakan bahasa isyarat dengan murid berkaitan buah-buahan yang dipamerkan.
3. Guru mengedarkan bahan – bahan untuk menghasilkan kolaj (kertas lukisan, gam, majalah terpakai, kapas dan daun) kepada murid- murid.
4. Guru menunjukkan contoh cara-cara untuk menghasilkan kolaj kepada murid-murid.
5. Guru memberi bimbingan kepada murid-murid dalam penghasilan kolaj.



### **Aktiviti Murid**

1. Murid-murid memerhatikan buah-buahan plastik yang ditunjukkan oleh guru.
2. Murid-murid bertindak balas dengan soalan guru menggunakan bahasa isyarat.
3. Murid-murid mengoyakkan kertas daripada majalah terpakai .
4. Murid-murid melukiskan gambar buah-buahan berpandukan contoh di hadapan kelas.
5. Murid-murid membuat kolaj dengan bimbingan guru.
6. Murid-murid mempamerkan hasil kerja yang telah siap di hadapan kelas.

### **Penilaian:**

- i. Murid-murid dapat menguasai teknik kolaj.

### **Pemulihan :**

- i. Murid-murid menampal kapas pada corak geometri di atas kertas lukisan.

### **Pengayaan :**

- i. Menggunakan pelbagai bahan dalam menghasilkan kolaj seperti manik, kacang dan butang baju.

## Lampiran 1

### Bahan-bahan untuk menghasilkan kolaj:



Lampiran 2

Contoh Hasil Kolaj



Lampiran 3

Contoh Hasil Kolaj



## **MODUL PENGAJARAN PENDIDIKAN SENI(4)**

**Bidang : Membuat corak dan rekaan (lipatan dan guntingan)**

**Tajuk : Rama-rama**

**Masa : 60 minit**

**Tunjang Utama : Fizikal dan Estetika**

### **Standard Kandungan**

- i) Pendidikan Seni
  - 2. Membuat corak dan rekaan
    - c. lipatan dan guntingan
- ii) Sains
  - 4.0 Mengenal Haiwan
    - 4.1.3 Mengenalpasti haiwan yang terdapat di atas rumput.

### **Standard Pembelajaran**

1.3 Memahami konsep motif.

2.3 Menghasilkan corak dengan pelbagai cara seperti menggunting dan melipat.

### **Objektif Pembelajaran**

Pada akhir pembelajaran, murid dapat:

- i. Mengetahui teknik memegang gunting yang betul.
- ii. Mengetahui teknik lipatan bagi menghasilkan motif yang diinginkan.
- iii. Mempamerkan hasil kerja.

### **Bahan Bantu Mengajar**

Kertas warna dan gunting.

**Pendekatan : Pembelajaran Aktif**

## **Strategi Pengajaran :**

### **a. Cadangan set induksi**

- i. Guru menunjukkan langkah-langkah dalam aktiviti guntingan dan lipatan.
- ii. Guru bersoal jawab menggunakan bahasa isyarat dengan murid – murid tentang :
  - a. motif yang terhasil daripada aktiviti guntingan dan lipatan.
  - b. tema pelajaran.

### **b. Cadangan aktiviti**

#### **Aktiviti Guru**

1. Guru membuat demonstrasi melipat dan menggunting kertas warna bagi menghasilkan sesuatu motif.
2. Guru bersoal jawab menggunakan bahasa isyarat dengan murid berkaitan motif yang terhasil daripada aktiviti guntingan dan lipatan.
3. Guru menyoal murid-murid berkaitan haiwan yang sering mereka lihat di atas rumput.
4. Guru menerangkan berkaitan jenis-jenis haiwan yang boleh murid-murid lihat di atas rumput.
5. Guru menerangkan perkaitan aktiviti dengan tajuk atau tema pelajaran.
6. Guru mengedarkan bahan – bahan untuk aktiviti guntingan dan lipatan (kertas warna dan gunting).
7. Guru memberi bimbingan kepada murid-murid.

#### **Aktiviti Murid**

1. Murid-murid memerhatikan guru membuat demonstrasi melipat dan menggunting.
2. Murid-murid bertindak balas dengan soalan guru menggunakan bahasa isyarat berkaitan motif yang terhasil daripada aktiviti guntingan dan lipatan.
3. Murid menyenaraikan secara lisan (bahasa isyarat) haiwan yang telah mereka lihat di atas permukaan rumput.
4. Murid memberi pemerhatian terhadap penerangan guru berkaitan haiwan yang terdapat di permukaan rumput.
5. Murid-murid memulakan aktiviti guntingan dan lipatan dengan bantuan guru.

6. Murid-murid mempamerkan hasil kerja di hadapan kelas.

**Penilaian:**

- i. Menguasai teknik-teknik menggunting dan melipat yang betul.

**Pemulihan :**

- i. Menggunting motif rama-rama yang disediakan oleh guru.


**Pengayaan :**

- i. Murid-murid boleh menggunting dan melipat motif yang pelbagai tanpa bantuan guru.

Lampiran 1

Lembaran Kerja

Arahan: Warna dan gunting gambar di bawah.





Lampiran 2

Lembaran Kerja

Arahan: Warnakan dan gunting gambar di bawah.



## **MODUL PENGAJARAN PENDIDIKAN SENI(5)**

**Bidang : Mencerak dan Rekaan (titisan)**

**Tajuk : Sampul Surat**

**Masa : 60 minit**

**Tunjang Utama: Fizikal dan Estetika**

### **Standard Kandungan**

- iii) Pendidikan Seni
  - 2 Mencerak dan rekaan
    - g. Titisan
      - Sampul Surat
- iv) Sains
  - 1.0 Memahami perbezaan warna
    - 1.4 Mengenalpasti perbezaan warna contoh biru, merah, hijau, kuning, hitam dan putih.

### **Standard Pembelajaran**

- 2.1 Memahami konsep motif.
- 2.3 Menghasilkan corak dengan pelbagai cara seperti titisan.
- 1.7 Mengumpul hasil kerja.

### **Objektif Pembelajaran**

Pada akhir pembelajaran, murid dapat:

- j. Menceritakan perihal sampul surat yang pelbagai warna yang telah dibawa oleh guru dengan menggunakan bahasa isyarat.
- vi. Mengisyaratkan (bahasa isyarat) warna setiap sampul surat yang telah dipamerkan oleh guru.
- vii. Mereka corak abstrak dengan teknik titisan.
- viii. Menghasilkan sampul surat daripada hasil kerja (teknik titisan) .
- ix. Mempamerkan hasil kerja di hadapan kelas.

## **Bahan Bantu Mengajar**

Berus lukisan, kertas lukisan, gam dan warna air.

## **Pendekatan**

Pembelajaran Aktif

## **Strategi Pengajaran :**

### **d. Cadangan set induksi**

- iii) Guru mempamerkan beberapa sampul surat yang pelbagai warna contohnya biru, hijau dan kuning.
- iv) Guru menggunakan bahasa isyarat untuk bersoal jawab dengan murid – murid tentang :
  - a. Sampul Surat
  - b. Cara untuk menghasilkan sampul surat yang cantik dan menarik.

### **b. Cadangan aktiviti**

#### **Aktiviti Guru**

1. Guru bersoal jawab dengan menggunakan bahasa isyarat berkaitan perbezaan setiap warna sampul surat yang dipamerkan di hadapan kelas.
2. Guru meminta murid-murid membuat kod tangan atau bahasa isyarat bagi setiap warna sampul surat yang telah dilihat.
3. Guru menerangkan langkah-langkah untuk menghasilkan sampul surat daripada kertas lukisan.
4. Guru menerangkan cara-cara untuk menghasilkan corak abstrak daripada teknik titisan.
5. Guru menunjukkan cara untuk menggunakan berus lukisan dan warna air dalam proses teknik titisan.
6. Guru mengedarkan keperluan atau bahan-bahan kepada murid-murid.
7. Guru memberi bimbingan kepada murid-murid dalam penghasilan corak abstrak dan seterusnya mereka bentuk sampul surat yang cantik.

### **Aktiviti Murid**

1. Murid bertindakbalas dengan soalan guru (bahasa isyarat) berkaitan perbezaan warna setiap warna sampul surat .
2. Murid-murid membuat kod tangan bagi setiap warna sampul surat yang telah dilihat.
3. Murid-murid memberi tumpuan kepada penerangan bagi langkah-langkah menghasilkan sampul surat daripada kertas lukisan.
4. Murid-murid memberi tumpuan terhadap penerangan daripada guru berkaitan cara-cara untuk menghasilkan corak abstrak daripada teknik titisan.
5. Murid-murid melihat cara penggunaan berus lukisan dan warna air dalam proses teknik titisan.
6. Murid-murid membuat aktiviti dengan bimbingan daripada guru.
7. Murid-murid mengemas hasil kerja lukisan mereka.
8. Murid-murid mempamerkan hasil kerja yang telah siap di hadapan kelas.

### **Penilaian:**

- ii. Murid-murid dapat merekabentuk (sampul surat) yang diinginkan oleh guru.

### **Pemulihan :**


- ii. Membuat aktiviti teknik titisan dengan cara renjisan secara rawak untuk menghasilkan corak abstrak.

### **Pengayaan :**

- i. Menghasilkan rekaan selain sampul surat daripada hasil teknik titisan


Lampiran 1

Contoh hasil teknik titisan (corak abstrak).



Lampiran 2

Contoh cara-cara membentuk sampul surat



## **MODUL PENGAJARAN PENDIDIKAN SENI(6)**

**Bidang : Membuat corak dan rekaan (tekanan)**

**Tajuk : Haiwan di Zoo Negara**

**Masa : 60 minit**

**Tunjang Utama: Fizikal dan Estetika**

### **Standard Kandungan**

1. Membuat corak dan rekaan
- c. Tekapan
  - Haiwan di Zoo Negara
4. Mengenal haiwan
- 4.3 Menyayangi haiwan. Contohnya tidak mencederakan haiwan.

### **Standard Pembelajaran**

- 1.1 Memahami konsep motif.
- 1.2 Menghasilkan corak dengan pelbagai cara seperti tekanan

### **Objektif Pembelajaran**

Pada akhir pembelajaran, murid dapat:

- i. Menceritakan (bahasa isyarat) perihal haiwan yang boleh dilihat di zoo negara.
- ii. Menangkap gambar haiwan.
- iii. Menghasilkan gambar suasana di kawasan Zoo Negara.

## **Bahan Bantu Mengajar**

Kertas lukisan , kertas minyak, , pensel warna, pensel,gunting dan gam.

**Pendekatan** : Pembelajaran Aktif

**Strategi Pengajaran** :

### **a. Cadangan set induksi**

1. Guru menggunakan bahasa isyarat untuk bersoal jawab dengan murid – murid tentang pengalaman murid-murid yang pernah melawat di Zoo Negara.
2. Guru meminta murid mengisyaratkan haiwan yang terdapat di Zoo Negara.
3. Guru meminta murid menyayangi haiwan yang terdapat di bumi ini.

### **b. Cadangan aktiviti**

#### **Aktiviti Guru**

1. Guru mengedarkan gambar haiwan kepada murid-murid.
2. Guru meminta murid mengisyaratkan haiwan yang terdapat di dalam gambar.
3. Guru mengedarkan kertas minyak kepada murid untuk menangkap gambar haiwan.
4. Guru member bimbingan kepada murid.
5. Guru meminta murid mengunting gambar haiwan yang telah di tekap.
6. Guru meminta murid menampal gambar haiwan di atas kertas lukisan yang mempunyai pemandangan di Zoo Negara.

#### **Aktiviti Murid**

1. Murid mengisyaratkan haiwan yang terdapat di dalam gambar.
2. Murid menangkap gambar haiwan.
3. Murid menggunting gambar haiwan yang telah di tekap.
4. Murid menampal gambar haiwan di atas kertas lukisan yang mempunyai pemandangan di Zoo Negara.
5. Murid mewarnakan kertas lukisan yang telah selesai di tampal dengan gambar haiwan.



**Penilaian:**

- i. Murid-murid dapat menangkap gambar haiwan seperti yang diarahkan.

**Pemulihan :**

- i. Murid menangkap bentuk geometri.

**Pengayaan**

- i. Murid diminta menangkap corak batik bagi menghasilkan pembalut hadiah.

Lampiran 1

Arahan : Tekapkan gambar-gambar haiwan gambar di bawah.




Lampiran 2

Arahan : Tekapkan gambar-gambar haiwan gambar di bawah.



Lampiran 3


Arahan : Tekapkan gambar-gambar haiwan gambar di bawah



Lampiran 4

Lembaran kerja

Arahan : Tekapkan gambar-gambar haiwan gambar di bawah.



Lampiran 5

Arahan: Tampalkan gambar haiwan-haiwan yang ditekup di atas gambar permandangan ini.



## MODUL PENGAJARAN PENDIDIKAN SENI(7)

**Bidang** : Membentuk dan membuat binaan (topeng mata)

**Tajuk** : Topeng Mata

**Masa** : 60 minit

**Tunjang Utama** : Fizikal dan Estetika

### **Standard Kandungan**

- iii) Membentuk dan membuat binaan
  - c. Topeng mata
- iv) Sains
  - 2.1 Bahagian dalam tubuh badan manusia
    - mengenalpasti bahagian dalam tubuh badan manusia seperti mata, telinga, hidung, telinga, mulut, lidah dan kaki.

### **Standard Pembelajaran :**

3.2 Menghasilkan bentuk mudah dengan:

- a. melipat
- b. menggunting
- c. mencantum

3.3 Menggunakan bahan kutipan yang sesuai untuk menghasilkan binaan mudah yang kreatif.

3.4 Memperagakan hasil kerja sendiri.

3.5 Mengumpul hasil kerja.

### **Objektif Pembelajaran:**

Pada akhir pembelajaran, murid dapat:

- v. Menceritakan (bahasa isyarat) perihal topeng muka yang dipamerkan oleh guru.
- vi. Menyatakan warna yang terdapat pada topeng muka dengan kod warna bahasa isyarat.
- vii. Mengetahui teknik yang betul dalam penghasilan topeng mata.

- viii. Mengetahui teknik yang betul untuk menghiasi topeng mata.
- ix. Menggunakan bahan kutipan yang sesuai untuk menghasilkan binaan mudah (topeng mata) yang kreatif.
- x. Mempamerkan hasil kerja.

### **Bahan Bantu Mengajar**

Kertas manilakad, kertas warna, gam, manik, gunting, tali dan kertas pembalut hadiah (hiasan).

**Pendekatan** : Pembelajaran Aktif

**Strategi Pengajaran** :

#### **e. Cadangan set induksi**

- v) Guru mempamerkan topeng muka.
- ii) Guru bersoal jawab menggunakan bahasa isyarat dengan murid – murid tentang :
  - a. Topeng muka
- iii) Guru membuat hubung kait di antara set induksi dengan tajuk pelajaran (topeng mata).

#### **b. Cadangan aktiviti**

##### **Aktiviti Guru**

1. Guru mempamerkan topeng muka kepada murid-murid.
2. Guru bersoal jawab menggunakan bahasa isyarat dengan murid berkaitan topeng muka yang dipamerkan.
3. Guru membuat hubung kait di antara set induksi dengan tajuk pelajaran (topeng mata).
4. Guru mengedarkan bahan – bahan untuk menghasilkan topeng mata seperti kertas manilakad, kertas warna, gam, manik, gunting, tali dan kertas pembalut hadiah kepada murid- murid.
4. Guru menunjukkan contoh cara-cara untuk menghasilkan topeng mata kepada murid-murid.
5. Guru memberi bimbingan kepada murid-murid dalam penghasilan topeng mata.



### **Aktiviti Murid**

1. Murid-murid memerhatikan topeng mata yang ditunjukkan oleh guru.
2. Murid-murid bertindak balas dengan soalan guru berkaitan topeng mata menggunakan bahasa isyarat.
3. Murid-murid memberi perhatian berkaitan hubung kait di antara set induksi dengan tajuk pelajaran (topeng mata).
4. Murid-murid menerima bahan-bahan daripada guru seperti kertas manilakad, kertas warna, gam, manik, gunting, tali dan kertas pembalut hadiah.
5. Murid-murid memerhatikan cara-cara atau langkah-langkah penghasilan topeng mata yang dibuat oleh guru.
6. Murid-murid membuat aktiviti menghasilkan topeng mata dengan bimbingan guru.
7. Murid-murid mempamerkan hasil kerja yang telah siap di hadapan kelas.

### **Penilaian:**

- ii. Murid-murid dapat menguasai teknik menghasilkan topeng mata yang menarik.

### **Pemulihan :**

- ii. Murid-murid mewarnakan gambar topeng mata yang disediakan oleh guru.

### **Pengayaan :**

- i. Murid-murid dapat menghasilkan topeng muka.

Lampiran 1

Contoh Topeng Mata





KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA  
BAHAGIAN PEMBANGUNAN KURIKULUM  
ARAS 4-8, BLOK E9  
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E  
PUSAT Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917  
<http://www.moe.gov.my/bpk>